

Mahathir: Saya rela disingkir

UM 2 - MAY 1983
JITRA 1 Mei Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad hari
ini menegaskan bahawa beliau ti-
dak berhasrat untuk menjadi
Presiden UMNO seumur hidup
dan rela disingkir jika beliau ti-
dak menjalankan tugas dengan
baik.

"Saya rela disingkir dari UMNO kalau
saya tak menjalankan tugas dengan baik,"
tegas Perdana Menteri.

Datuk Sri Dr. Mahathir selaku Presiden
UMNO menegaskan demikian kerana tidak
mahu adanya kejadian berpuak-puak ber-
laku di dalam UMNO.

Berucap merasmikan persidangan perwa-
kilan UMNO bahagian Kubang Pasu di
Dewan Sekolah Menengah Sultan Abdul
Halim Jenan di sini pagi ini, Perdana Men-
teri yakin UMNO akan dapat mengekalkan
kuasanya sekiranya ahli-ahlinya tidak lupa
daratan, berpecah-belah dan menyalahgu-
nakan kuasa.

Katanya: "Perjuangan UMNO adalah

Oleh
Mat Piah Teh Deris

untuk kebaikan rakyat bukan untuk ber-
bangga dengan itu dan ini," ujarnya.

Beliau juga menyebut adanya golongan
yang melakukan pembahagian-
pembahagian atau berpuak-puak di dalam
UMNO dengan mengolngkan "ini orang
itu" dan "itu orang ini."

Presiden UMNO itu sebaliknya menyata-
kan bahawa semua ahli UMNO adalah
orang UMNO dan "tak ada pemimpin boleh
kata ini orang saya."

Perdana Menteri selanjutnya mem-
bayangkan kalau perbuatan seperti itu ber-
terusan ianya akan menimbulkan pecah be-
lah di dalam parti.

Katanya, perbuatan tersebut dilakukan
oleh "leftenan-leftenan" yang mengharap-
kan kenaikan pangkat kalau pemimpin yang
merek sokong itu naik.

Beliau mengingatkan bahawa UMNO
bukannya milik pemimpin tapi milik semua
ahli UMNO dan "jangan kata UMNO ini

milik si polan si polan."

"Jangan kata parti ini milik kita kerana
semata-mata nak naik pangkat dan
sebagainya," tegas beliau.

Sebagai contoh, Datuk Sri Dr. Mahathir
berkata, "di dalam Kubang Pasu tak ada
orang saya, semua orang UMNO."

Menurutnya, beliau menjadi Perdana
Menteri ialah untuk kebaikan semua orang
dengan diberi tugas untuk menjalankan
urusan negara ini.

Beliau menegaskan bahawa tidak timbul
soal pilih kasih dan sebagainya: "Kalau bo-
leh buat, saya buat, kalau tak boleh saya tak
buat, bukan kerana pilih kasih dan
sebagainya."

Selaras dengan kempen jimat cermat
yang dilancarkan oleh negara ini berikutan
dengan kemelesetan ekonomi sekarang, Per-
dana Menteri juga mengingatkan ahli-ahli
UMNO supaya jangan lupa daratan kalau
kita mewah sedikit dari dulu.

Menurutnya, "kita patut bergantung ke-
pada diri kita bukan bergantung kepada
orang lain. Orang yang bergantung kepada
orang lain tidak bebas."

Katanya, "kalau
UMNO lupa daratan,
UMNO akan menjadi
lemah."

Bercakap mengenai
langkah kerajaan dalam
bidang industri, Perdana
Menteri memberi jami-
nan kerajaan juga tidak
mengabaikan bidang
pertanian dengan meny-
eru kaum petani dan ne-
layan supaya meningkat-
kan pengeluaran dan
pendapatan mereka.

Menurutnya, usaha ini
boleh dicapai dengan
menggunakan sepenuh-
nya tanah yang subur
dan nikmat-nikmat yang
dianugerahkan oleh Al-
lah yang kita patut ber-
syukur dengan menggu-
nakan cara-cara moden
bagi menambah hasil
dan pendapatan masing-
masing.